

KARANGAN EKSPOSITORI

mohamed naim daipi



KARANGAN EKSPOSITORI




SEKOLAH MENENGAH
SPRINGFIELD



[Azhar Hamid (2001)]

- Menulis merupakan satu proses yang dinamik. Menulis melibatkan kemahiran menaakul, membaca, mengumpul fakta, menilai, memilih dan membina hujah. Justeru itu menulis memerlukan latihan, pendedahan, dan minat yang konsisten agar seseorang itu mampu menghasilkan sebuah wacana yang bermutu.



Anda perlu berfikir sebelum anda menulis. Anda menulis setelah anda memahami apa yang anda fikir. Sama jugalah halnya anda berfikir sebelum anda berkata-kata.

[KARANGAN JENIS EKSPOSITORI]

- Fakta
- Ciri-ciri
- Cara-cara
- Kesan-kesan
- Bukan naratif ataupun deskriptif

Mengapa tulis karangan jenis ekspositori?

- Tidak pandai menggunakan bahasa berbunga
- Lebih selesa menggunakan laras bahasa formal.
- Bagi mereka yang sukar untuk memikirkan plot yang menarik dalam masa yang singkat

Soalan-soalan karangan ekspositori kertas GCE O tahun-tahun lepas

- **Cara-cara** menyemai minat membaca dalam kalangan pelajar.
- Pada pendapat kamu, apakah **ciri-ciri** yang harus dimiliki oleh seorang pelajar contoh?
- **Sebab-sebab** saya tidak akan meninggalkan Singapura untuk menetap di negara lain.

Memahami Tajuk

Baca tajuk karangan dengan teliti dan cuba fahami kehendak soalan.

Komponen penting dalam ekspositori

KARANGAN

PENDAHULUAN

ISI

PENUTUP

[Mengumpulkan idea]

- Fikirkan dan catat idea-idea
- Kumpulkan maklumat
- Pilih isi yang sesuai mengikut kehendak soalan



- Susun isi mengikut pentingnya isi tersebut dengan kehendak soalan
- Setiap isi yang dikemukakan perlu dihuraikan dengan contoh-contoh yang konkrit dan kukuh




- Semak lakaran isi dan perincian yang telah dipilih dan disusun itu.
- Gunakanlah peta minda atau penyusun grafik yang sesuai untuk kamu menyusun idea.

Pendahuluan

Gambaran awal tentang apa yang ingin disampaikan.

Pelajar harus mengaitkan pendahuluan karangan perbincangan dengan tajuk soalan.
Oleh itu, bahagian ini dianggap penting.




1

Apabila menulis, mulakan dengan pendahuluan yang menarik agar dapat menarik minat dan menimbulkan perasaan ingin membaca karangan itu hingga akhir.

Bahagian pengenalan boleh dimulakan dengan unsur-unsur menarik seperti pantun, madah, peribahasa, persoalan, tukilan, dan data.

[]

Terdapat **tujuh**
jenis pendahuluan
yang digunakan
dalam penulisan
karangan
perbincangan



Pendahuluan Jenis Fakta

Pelajar memberikan

- ***takrif,***
- ***makna atau***
- ***definisi***

tentang sesuatu tajuk.

[Contoh]

- Konsep kesihatan meliputi aspek yang luas. Menurut apa yang dipersetujui semasa Persidangan Kesihatan Sedunia kali pertama pada tahun 1948, anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO), kesihatan bermakna “ sihat dari aspek fizikal, mental dan sosial, bukan sekadar bebas daripada penyakit, kecacatan atau kecederaan.” Kini konsep kesihatan bukan sahaja melibatkan aspek fizikal mental dan sosial tetapi juga merangkumi emosi dan rohani.

Pendahuluan Jenis Pendapat

Pendahuluan jenis ini memuatkan
pendapat seseorang tokoh,
pujangga atau
pendapat masyarakat umum
tentang sesuatu isu.

[Contoh]

Kata pujangga, “Harga atau nilai kesihatan, tidak diketahui kecuali orang-orang yang sakit.” Ini kerana kesihatan yang hilang belum tentu boleh direbut kembali dengan ubat-ubatan yang mampu dibeli dengan wang ringgit yang banyak. Dalam mengejar impian kehidupan gaya moden yang penuh kemewahan, ramai yang terlupa bahawa kesihatan yang sempurna merupakan suatu kekayaan.

[Pendahuluan jenis peribahasa]

- Pendahuluan jenis ini memuatkan sekurang-kurangnya ***satu atau lebih peribahasa atau kata-kata hikmah yang sesuai*** dengan kehendak soalan.

[Contoh]

- Kekayaan dan kemewahan belum tentu dapat menjamin kebahagiaan hidup. Pepatah Melayu ada mengatakan “orang yang bertanam pokok nyiur tak tentu ia dapat memakan buahnya.” Ini adalah kerana orang yang menghimpunkan harta benda itu adakalanya tiada berfaedah bagi dirinya, lebih-lebih lagi jika ia tiada beroleh kesihatan.

[Pendahuluan jenis suasana]

- Pendahuluan jenis ini *menggambarkan sesuatu tajuk melalui suasana dan gambaran* yang sesuai dan nyata.

[Contoh]

- Di pintu masuk pejabat, jelas tertera waktu pejabat telah lama berakhir. Namun, masih ramai lagi pekerja yang sibuk bekerja lebih waktu. Ramai orang yang mengabaikan kesihatan sendiri dan terus bekerja, tanpa mempedulikan waktu dan rehat. Anehnya, kadang kala wang yang dikumpulkan itu terpaksa dihabiskan di klinik rawatan kerana mereka jatuh sakit atau mengalami masalah kesihatan yang berpanjangan. **Begitulah gambaran kehidupan hari ini. Dalam kesibukan mencari kesenangan material, ramai orang terlupa peri pentingnya kesihatan.**

Pendahuluan jenis latar belakang/sejarah

Pendahuluan jenis ini menggariskan *latar belakang atau mengaitkan sesuatu peristiwa yang berlaku dahulu* dengan tajuk.

[Contoh]

Pemerintah Singapura telah melancarkan kempen Gaya Hidup Sihat Kebangsaan pada tahun 1992 demi memastikan seluruh masyarakat hidup dalam keadaan sihat, cergas, bertenaga dan berdaya maju. Lembaga Penggalak Kesihatan Singapura telah mengambil pendekatan berbilang matlamat, termasuk mewujudkan sokongan masyarakat dan sekitaran fizikal, untuk merangsang orang ramai supaya mengamalkan kehidupan yang sihat. Langkah pemerintah menunjukkan bahawa asas kemakmuran negara ini bergantung kepada tenaga kerjanya yang sihat dan berdaya maju.

[Pendahuluan jenis perbincangan]

Untuk menulis pendahuluan jenis ini, pelajar perlu ***mengemukakan beberapa ayat tanya, sama ada berjawab atau tidak, yang berkaitan dengan tajuk yang diberi.***



[Contoh]

Setiap orang mempunyai banyak keinginan dan kemahuan di dunia ini. Antaranya, kuasa, kedudukan, kecantikan dan kemewahan. Sekiranya kita akan dikurniakan hanya satu permintaan, apakah yang akan kita minta? Jika kita harus memilih antara kesihatan dan kemewahan, yang manakah yang akan kita pilih? Bagaimanakah harus kita mempertimbangkannya? **Persoalannya, apakah yang kita anggap lebih penting bagi diri kita – kesihatan atau kemewahan?**

Pendahuluan jenis gabungan

Pelajar *menggabungkan dua jenis pendahuluan*, misalnya fakta dan perbincangan.

[Contoh]

Konsep kesihatan bukan sahaja sekadar bebas daripada penyakit, kecacatan atau kecederaan tetapi melibatkan aspek fizikal mental, emosi, rohani dan sosial.

Kemewahan pula lebih merupakan sesuatu yang meterial seperti wang ringgit dan harta benda yang banyak biasanya dikaitkan dengan status. Jika kita harus memilih antara kesihatan dan kemewahan, yang manakah yang akan kita pilih? Bagaimanakah harus kita mempertimbangkannya? Persoalannya, apakah yang kita anggap lebih penting bagi diri kita – kesihatan atau kemewahan?



Pemilihan perkataan

- Pemilihan kata yang baik mempengaruhi hasil sesebuah penulisan. Anda mestilah mengatur buah fikiran anda dan meletakkannya pada tempat yang betul.

PEMERENGGANAN KARANGAN

Permulaan perenggan baru

- Masih ramai pelajar yang memulakan perenggan yang baru secara sewenang-wenangnya. Sepatutnya, perenggan yang baru dimulakan jika berlaku:
 - peralihan dari satu isi kepada satu isi yang baru
 - perubahan kepada situasi yang dibincangkan
 - perubahan kepada pendekatan (baik “lawan” buruk)



Perenggan yang bermutu ialah perenggan yang mengandungi idea yang jelas, maklumat yang mencukupi dan rangkuman ayat yang gramatis dan mudah difahami.

Tiap-tiap perenggan hendaklah
mengandungi **satu idea sahaja**.
Perenggan disusun mengikut jalinan idea.
Jika ada idea yang perlu dijelaskan dengan
panjang lebar dalam satu perenggan,
pecahkan perenggan itu kepada dua atau
tiga perenggan yang lebih pendek.



- Sesebuah perenggan memperkembangkan satu idea.
- Pemerenggan penting dalam menyampaikan idea yang konkrit dan tersusun. Perkembangan daripada satu perenggan ke satu perenggan yang lain hendaklah dilakukan secara sistematik dan logik supaya terlihat pertalian antara idea dan isi tersebut.

[Susunan isi dalam perenggan]

Untuk sesuatu perenggan menjadi jelas, mestilah terdapat 3 komponen:

- Ayat topik (idea utama)
- Isi atau hujah
- Ayat kesimpulan


Pernyataan yang paling umum dalam
sesuatu perenggan dikenali sebagai

ayat topik.


Kedudukan ayat topik:

- awal perenggan
- akhir perenggan
- tengah perenggan
- awal dan akhir perenggan

- ***Isi penting***
(Ayat judul – Idea utama)
- ***Huraian Isi***
(Ayat Huraian – Penjelasan)
- ***Contoh-contoh***
(Ayat Bukti – pengukuhan)



- ***Huraian Isi***
(Ayat Huraian – Penjelasan)
- ***Isi Penting***
(Ayat Judul – Idea Utama)
- ***Contoh-contohnya***
(Ayat Bukti – Pengukuhan)

- 
- A large black left bracket and a large gold right bracket are positioned at the top of the slide. A horizontal line, with a gold segment on the left and a white segment on the right, spans across the top of the content area.
- ***Isi penting***
(Ayat judul – Idea Utama)
 - ***Huraian Isi***
(Ayat Huraian – penjelasan)
 - ***Contoh-contoh***
(Ayat Bukti – Pengukuhan)
 - ***Isi penting***
(Pengulangan dengan memparafrasa)

- Tumpuan keseluruhan isi mestilah berfokus kepada tajuk.
- Setiap isi yang diketengahkan haruslah mantap, tepat dan disusun rapi serta berkesinambungan.

Kejelasan

- Perenggan yang jelas memberi makna penulisan idea yang terang, nyata dan mudah difahami. Oleh sebab perenggan mempunyai tujuan yang tertentu, maka ayat topik mestilah diperkembangkan dengan cara yang dapat difahami oleh pembaca. Kejelasan dapat dihasilkan melalui ayat-ayat yang tepat dan tidak meleret-leret.

Isi karangan

- Pastikan perenggan-perenggan kamu dapat merangkumi keseluruhan tajuk
- Kamu harus memperhatikan tiga perkara dalam setiap perenggan, iaitu kesatuan idea, urutan idea, dan penonjolan idea utama agar peralihan idea berlaku secara lancar.

Tautan dalam perenggan atau di antara perenggan

- Kata penanda wacana merupakan ***kata atau rangkai kata yang menjadi jambatan atau penghubung idea*** dalam penulisan ***untuk menghasilkan penceritaan yang lebih jelas***. Kekata itu menjadi penanda kepada pembaca bahawa pelajar/penulis sedang membuat perbandingan, membuat kesimpulan, memberi contoh, menunjukkan urutan masa, dan sebagainya.



Dalam bahasa Melayu, kita dapat membahagikan kata penanda wacana kepada beberapa kategori berdasarkan fungsinya.

Penanda akibat

- *dengan demikian,*
- *oleh itu,*
- *sebagai akibatnya,*
- *jadi,*
- *lantas,*
- *justeru,*
- *lantaran itu*

**Penanda contoh
atau ilustrasi**

**umpamanya, khususnya,
terutamanya, seperti kata
yakni, misalnya,
contohnya**

Penanda keterangan atau penjelasan

dengan kata lain,
ringkasnya, tegasnya,
sebenarnya,
jelaslah bahwa,
seperti mana yang diketahui,
yakni, yaitu

Penanda tambahan

selain itu, lagi pun,
juga, apatah lagi,
malahan, malah, bahkan,
tambahan pula, tambahan
lagi

Penanda masa/ waktu dan urutan

pertamanya, keduanya, kemudian, kini, sekarang, lazimnya, keesokannya, pada masa itu, selepas itu, pada ketika itu, seterusnya, pada masa sekarang ini, beralih ke hujah selanjutnya, bertolak dari situ.

berikutnya, selanjutnya, sebagai lanjutannya, sebagai lanjutan daripadanya, lantas

Penanda sebaliknya/ Perbandingan alternatif

namun demikian, walau
bagaimanapun, sebaliknya,
tetapi, namun, jika tidak

sungguhpun, meskipun, biarpun,
sekalipun, sungguhpun
demikian, walaupun begitu

Penanda perbandingan

Sebagai perbandingan,
demikian juga dengan

Khusus:

Khususnya, khasnya, lebih-lebih
lagi, terutamanya, apatah lagi

Andaian:

Nampaknya, pada jangkaan

A large black left square bracket and a large gold right square bracket are positioned at the top of the slide, with a thin grey horizontal line passing through the center of the brackets.

Pernyataan pendapat atau pikiran

Pada pandangan,
pada hemat,
pada perkiraan,
sepatutnya, sebaiknya,
seharusnya, setidaknya

Kepastian atau kebenaran sebagai penegasan

Sesungguhnya,
pada hakikatnya,
pada kenyataannya,
tidak dapat tidak,
pastinya,
secara pasti

[Lain-lain]

Dalam hal ini, dalam pada itu,
dalam perkara ini,
dalam hubungan ini,
sehubungan dengan itu/ini,
di samping itu, dengan itu/ini,
betapa pun, walau apa pun,
walau bagaimanapun,
seperkara lagi

Penanda kesimpulan

akhirnya, kesimpulannya,
ringkasnya, pada keseluruhannya,
natijahnya, rumusannya,
kesannya, hasilnya, akibatnya,
pada hakikatnya, pendek kata,
dengan dalam perkataan lain,
apatah lagi, sebagai penutup,

Kesinambungan

- Kesinambungan ibarat jambatan tempat pembaca berjalan. Kalau jambatannya bengkok-bengkok, atau pun patah, tentulah pembaca akan hilang panduan.
- Sekiranya penulis sudah hampir kepada penghujung penulisannya, sedarkan pembaca akan kedudukan tersebut. Maksudnya, pembaca bukan sahaja dapat menangkap maksud anda pada permulaan karangan ekspositori anda, tetapi juga berasa puas hati setelah tamat membacanya.

Penutup Karangan

- Sesebuah karangan dianggap tidak lengkap jika tiada penutup atau kesimpulan.
- Akhiri karangan kamu dengan merumuskan isi-isi penting atau membuat kesimpulan tentang tajuk atau soalan.

Penutup karangan

- Penutup merupakan kesimpulan terhadap pendapat yang telah dikemukakan. Penutup juga mencerminkan sikap dan pandangan pelajar/penulis terhadap tajuk.
- Oleh itu, penutup harus dirancang dengan teliti. Elakkan daripada mengakhiri karangan secara mendadak.

**Perenggan kesimpulan perlu
mengandungi perkara-perkara berikut :**

- **Kesimpulan/Rumusan**
- **Cadangan**
- **Harapan**
- **Pendirian/Penegasan**



Aspek-aspek penting]

- **Pastikan ia mengandungi maklumat, ulasan, huraian atau penceritaan tentang sesuatu perkara yang berasaskan fakta-fakta benar.**
- **Unsur humor tidak digalakkan dalam penulisan jenis ekspositori.**



- **Idea yang disampaikan harus berurutan dan berkaitan serta beruntutan dengan hujah kamu.**
- **Pilihlah kosa kata yang sesuai dan tepat untuk sesuatu idea, mudah difahami dan tidak menggunakan perkataan secara berlebihan.**



**SEKIAN
TERIMA KASIH**

SEMOGA BERJAYA